

Headline **Perteguh sahsiah remaja**
Date **25 Mar 2011**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Variasi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **V18**
Article Size **761 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **21,883**
PRValue **65,648**



Perteguh sahsiah remaja

Kem Bina Insan Geng Surau isi cuti pelajar dengan kegiatan berfaedah

Mohd Fadly Samsudin

SERAMAI 100 peserta menyertai Kem Bina Insan Geng Surau anjuran Surau Al-Ikhwan, Taman Samudera di Kem Perah, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, baru-baru ini.

Pemilihan kawasan hutan simpan itu memberi pengalaman cukup bermakna bagi peserta meneroka keindahan alam semula jadi, selain melihat bukti kebesaran Allah swt.

Setiausaha kem, Zakaria Ahmad berkata, kem itu adalah idea Biro Lajnah Pemuda surau berkenaan bagi merapatkan hubungan remaja dengan aktiviti surau.

"Program ini cukup bermanfaat bagi peserta memenuhi cuti persekolahan mereka. Kebanyakan peserta terdiri daripada anak kariah di Taman Samudera ini, selain peserta dari Taman Seri Gombak dan Ampang.

"Kem ini adalah salah

satu siri pembangunan remaja yang diolah bersesuaian dengan remaja masa kini untuk tujuan penerapan nilai Islam," katanya.

Beliau berkata, dalam program sehari itu, peserta didedahkan latihan praktikal

berkaitan kepimpinan, disiplin serta kerjasama antara pasukan.

"Antara aktiviti yang dijalankan termasuk merempuh halangan, menyumpit, aktiviti hutan, membuat roti hutan, sembahyang berjemaah, melintasi titian gantung dan bengkel motivasi.

"Peserta menunjukkan minat dan kesanggupan tinggi dalam setiap aktiviti. Ibu bapa meletakkan harapan tinggi kepada anak mereka supaya mempamerkan akhlak terpuji yang mampu menjadi contoh kepada orang lain," katanya.

Zakaria berkata, program itu mampu meningkatkan disiplin diri selain menguji kecekalan serta keberanian

dalam aktiviti fizikal yang dilaksanakan.

"Lebih penting, kami mahu melihat remaja ini menunjukkan minat serta kesediaan untuk menyertai setiap aktiviti yang dijalankan pihak surau kelak," katanya.

Beliau berkata, sebagai kesinambungan kepada program sulung itu, pihak surau akan mengadakan program susulan akhir tahun ini.

"Kami juga mengadakan perjumpaan bersama peserta setiap Sabtu untuk mengetahui perkembangan semasa mereka. Ini sebagai langkah jangka panjang agar ilmu yang diperoleh berguna untuk pembentukan sahsiah diri," katanya.

Peserta, Muhammad Faris Rosaidee, 13, menyifatkan remaja perlu sentiasa mempertingkatkan kemahiran diri supaya dapat bersaing hebat dan dihormati.

"Saya syorkan kepada rakan lain supaya ambil peluang menyertai program

sebegini pada masa akan datang kerana ia mampu membimbing menjadi seorang bermotivasi tinggi serta memiliki keperibadian unggul," katanya.

Ahmad Syauqi Mohd Zafrullah, 11, berkata, kem yang disertai itu memberi pengalaman baru dalam persediaan menjadi remaja yang mempunyai pemikiran matang.

"Untuk berjaya, kita perlu berusaha gigih. Saya secara peribadi merasakan untuk menggapai kecemerlangan di dunia dan akhirat, seseorang perlu menyeimbangkan keperluan dunia dan akhirat selain kekal berdisiplin," katanya.

Pemilihan kawasan hutan simpan itu memberi pengalaman cukup bermakna bagi peserta meneroka keindahan alam semula jadi, selain melihat bukti kebesaran Allah swt.

Headline **Perteguh sahsiah remaja**
Date **25 Mar 2011**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Variasi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **V18**
Article Size **761 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **21,883**
PRValue **65,648**



KENANGAN...peserta bergambar dengan ahli jawatankuasa Surau Al-Ikhwan.



KONGSI...peserta berkongsi air dalam buluh.



ALA KOMANDO...antara cabaran yang dilalui setiap peserta.

Headline **Perteguh sahsiah remaja**
Date **25 Mar 2011**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Variasi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **V18**
Article Size **761 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **21,883**
PRValue **65,648**



MUHAMMAD FARIS...
tingkat kemahiran.



AHMAD SYAUQI...
matangkan diri.